

Newspaper	Berita Harian
Date	6/7/2014

Penduduk desa bakal nikmati hasil GST

BH - 6/7/2014



Najib diiringi Mohd Shafie menyerahkan replika cek dividen RISDA sebanyak RM164.9 juta kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Pahang, Datuk Shafik Fauzan Sharif pada majlis penyampaian dividen RISDA peringkat nasional di Dewan Seri Perdana Kolej Automotif Antarabangsa (ICAM) di Pekan, semalam.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

» Sektor luar bandar diberi jaminan terima hasil tambahan kesan daripada pelaksanaan

Oleh Abdul Razak Raaff, Nik Syukri Ramli dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Masyarakat luar bandar akan menikmati peruntukan pembangunan lebih tinggi menerusi pertambahan hasil negara selepas pelaksanaan

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tahun depan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Peruntukan tambahan

Perdana Menteri juga sudah memaklumkan pada mesyuarat Kabinet sebelum ini bahawa sektor luar bandar akan diberi keutamaan, termasuk peruntukan tambahan kesan daripada pelaksanaan GST.

"Ini adalah jaminan kerajaan

bagi mewujudkan pembangunan seimbang dan inklusif supaya rakyat sama ada di bandar dan luar bandar dapat menikmati kemajuan dan kesejahteraan secara adil dan saksama.

"Kita tidak mahu ibu negara sahaja maju dan menyebabkan penduduknya bertambah tetapi keadaan di luar bandar tertinggal dan tiada kemajuan dan pembangunan dilakukan.

"Jadinya, jika pembangkang berterusan mendakwa bahawa GST membebankan rakyat teru-

tama di luar bandar...ia tidak benar kerana mereka tidak pernah sebab bila kerajaan laksanakan cukai berkenaan akan peroleh hasil tambahan," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian dividen RISDA peringkat nasional di Dewan Seri Perdana Kolej Automotif Antarabangsa (ICAM) di sini, semalam.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Ketua Pengarah RISDA, Datuk Wan Mohamad Zuki Mohamad.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan turut mengumumkan bayaran dividen Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) berjumlah RM164.9 juta kepada 32,238 pekebun kecil di seluruh negara merangkumi peserta Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) dan peserta Tanam Semula Komersial (TSK).

Selain itu, Najib yang juga Menteri Kewangan turut mengu-

mumkan kenaikan elaun bayaran kepada 513 Pemaju Masyarakat RISDA (PMR) daripada RM500 kepada RM800 sebulan berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Beliau berkata, kerajaan membuat keputusan berkenaan selepas mengambil kira bebanan perlu ditanggung mereka terutama dalam menjaga kebajikan pekebun kecil dan penoreh getah.

"Dengan kenaikan ini, saya meminta pihak RISDA mengkaji semula syarat kelayakan sebelum melantik pemaju masyarakat ini,

seperti had umur, daya kepimpinan dan tahap pendidikan supaya selari dengan pelantikan pemimpin tempatan yang lain," katanya.

“**Jika pembangkang berterusan mendakwa bahawa GST membebankan rakyat terutama di luar bandar...ia tidak benar kerana mereka tidak pernah sebab bila kerajaan laksanakan cukai berkenaan akan peroleh hasil tambahan”**

Najib Razak, Perdana Menteri

Bantuan berterusan

Perdana Menteri juga sudah mengarahkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi memikirkan kaedah jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu pekebun kecil secara berterusan.

Sementara itu, Mohd Shafie berkata, bayaran tambahan elaun PMR itu akan membatinkan jumlah peruntukan berjumlah RM4.9 juta setahun.

"Kita berharap pertambahan elaun berkenaan akan meringankan beban PMR yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan besar bagi menjalankan tugas. Kadangkala mereka perlu berjalan jauh untuk berjumpa dengan pekebun kecil dan penoreh getah bagi melihat permasalahan dihadapi mereka, selain memberi penerangan mengenai sesebuah perkara," katanya.